

# Bengkel pengurusan kewangan HACT

► Anjuran UNICEF Malaysia dan UMS

UB 4.7.2019 B2



Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: UNICEF Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan bengkel latihan pengurusan kewangan Harmonised Approach to Cash Transfer (HACT) di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.

Pegawai UNICEF Anne Albert berkata, bengkel

itu bertujuan memberikan pengetahuan kepada rakan strategik UNICEF di Sabah mengenai garis panduan dan prosedur pengurusan serta pemindahan dana daripada UNICEF.

"HACT adalah satu prosedur kewangan yang direka bentuk oleh UNICEF untuk mempromosikan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan kewangan oleh rakan-rakan strategik UNICEF.


"Biaya operasi UNICEF

■■■ Bengkel itu bertujuan memberikan pengetahuan kepada rakan strategik UNICEF di Sabah mengenai garis panduan dan prosedur pengurusan serta pemindahan dana daripada UNICEF. ■■■

**ANNE ALBERT**  
Pegawai UNICEF

diterima sebahagian besarnya daripada sumbangan orang ramai, justeru kami perlu mengamalkan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan kewangan untuk mengekalkan kepercayaan penyumbang kami," katanya ketika menyampaikan ceramah pada majlis itu.

Sementara itu, Pensyarah Program Komunikasi UMS Lai Che Ching berkata, latihan itu sangat penting dan bermakna kerana ia akan membantu dalam penguru-



**PARA peserta bengkel mengambil gambar kenangan bersama. Turut kelihatan Anne (depan, lima kiri).**

san kewangan untuk Unit Penyelidikan Komunikasi Pembangunan (C4D) UMS nanti.

"Ia akan banyak membantu

khususnya dalam soal ketelusan pengurusan dana," katanya yang hadir mewakili Unit C4D yang bakal ditubuhkan di universiti itu

melalui dana sumbangan UNICEF.

Bengkel sehari berkenaan turut dihadiri Pejabat Wilayah Asia Pasifik untuk Special

Olympic bersama-sama wakil dari Special Olympic Sabah serta wakil pejabat Bendahari dan Pusat Jaringan Industri dan Komuniti UMS.